

***QAWL AL-ŠAHĀBIYY SEBAGAI SUMBER
HUKUM:TUMPUAN KEPADA KES-KES FARĀ'ID
TERTENTU***

**The Fatwa of a Companion as Sources of Islamic Law in
the Specific Cases on *Farā'id***

Zahari Mahad Musa¹

ABSTRACT

The fatwa of a companion, as one of the disputed sources of Islamic law, has its role in explaining law derived from Ijtihad that is formulated by the companion. The two main functions of this Ijtihad are to reinterpret law that is available in the legal text and to explicate something new without going against the Islamic law. This article aims to elucidate its definition and the opinion of the principles of Islamic jurisprudence scholars on matters relating thereto. The discussion is also centred on the specific cases on farā'id, which is well-known for its particular name and calculation that made it famous. Four cases have been chosen as samples – al-musharrakah case, al-kharqa' case, al-akdariyyah case and al-hamziyyah. Generally, the authority

¹ Senior Lecturer, Faculty of Shariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan, zahari@usim.edu.my, mmirahaz@gmail.com.

for deriving Ijtihad focuses more on the individuals who were frequently referred to in issuing a fatwa. In addition, the role of Ijtihad of a companion in elaborating a law is very important even though it has already been detailed in legal text.

Keywords: Fatwa of a companion, farā'id.

PENDAHULUAN

Sumber-sumber hukum atau dalil-dalil dalam perundangan Islam terbahagi kepada dua kategori utama; dalil-dalil yang disepakati (*al-Adillah al-Muttafaq ‘Alayh*) dan dalil-dalil yang tidak disepakati (*al-Adillah al-Mukhtalaf fīhā*). Kategori pertama terdiri daripada al-Qur’ān, al-Sunnah, ijmā‘ dan qiyās. Manakala kategori kedua pula merangkumi *istihsān*, *maṣlahah mursalah*, *istiṣḥāb*, ‘urf, *qawl al-ṣahābiyy*, *shar‘ man qablanā* dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun kesemua sumber tersebut merujuk kepada dua dalil utama iaitu al-Qur’ān dan al-Sunnah yang dianggap sebagai sumber-sumber primer (*al-Adillah al-Asliyyah*) dan selebihnya adalah sumber-sumber sekunder (*al-adillah al-far‘iyyah*) atau kaedah mengistinbat hukum.² Dari sudut yang lain, sumber perundangan ini boleh dibahagikan kepada dalil-dalil naqli dan ‘aqli. Dalil-dalil naqli merangkumi al-Qur’ān, al-Sunnah, ijmā‘, ‘urf dan *qawl al-ṣahābiyy*. Manakala, selebihnya termasuk di dalam kategori dalil ‘aqli.³

Perbincangan mengenai *qawl al-ṣahābiyy* bertujuan mengetahui kedudukan sebenar *qawl al-ṣahābiyy* sebagai sumber hukum dengan mengambil kira pendirian ulama terhadap sumber ini. Selain itu, ia juga menjadi sandaran dalam membuat penelitian berkaitan pendapat dan pandangan yang dikemukakan oleh setiap para sahabat Rasulullah SAW. Walaupun semua para sahabat Rasulullah SAW dihukumkan sebagai ‘*udūl* secara keseluruhannya, namun tidak semua daripada kalangan mereka yang menonjol dalam bidang fiqh dan fatwa.

Oleh yang demikian, memahami *qawl al-ṣahābiyy* adalah memahami fiqh ilmuwan sahabat yang menjadi sebahagian tuntutan dalam mendalami hukum perundangan Islam itu sendiri. Dalam hal ini, Prof. Dr. Yūsuf al-Qarādāwi pernah menyarankan untuk melakukan transformasi dalam fiqh Islam dengan meletakkan salah satu strategi penting iaitu memahami fiqh sahabat Rasulullah SAW. Beliau menyatakan:

² Niẓām al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, *Mafhūm al-Fiqh al-Islāmiyy* (Beirūt: Mu’assasat al-Risālah, 1984), 101.

³ Al-Zuḥayli, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmiyy* (Beirūt: Dār al-Fikr al-Mu‘āşar, 1986), i. 418

“Adapun mereka yang faqih tentang intipati Islam dan mengetahui matlamatnya ialah golongan sahabat Rasulullah SAW disebabkan mereka merupakan generasi yang lahir daripada institusi didikan Rasulullah SAW. Mereka melihat ayat al-Quran diturunkan, mengetahui faktor pengucapan setiap hadis di samping fitrah diri yang baik, kekuatan pemikiran, pencari kebenaran, kualiti kefahaman dan kemampuan daripada sudut bahasa. Oleh yang demikian, sekiranya mereka bersepakat dalam sesuatu perkara atau disandarkan kepada beberapa orang daripada kalangan mereka tanpa diketahui sebarang bantahan maka itu menunjukkan perkara tersebut lebih hampir kepada syariat dan ajaran Islam.”⁴

Terdapat beberapa individu sahabat r.a yang lebih terkehadapan dalam mengeluarkan hukum serta menyelesaikan masalah-masalah fiqh yang timbul pada zaman mereka. Dalam hal ini, beberapa riwayat telah menyenaraikan sahabat Rasulullah SAW yang dianggap tokoh ilmuan sepanjang sejarah perundangan Islam. Daripada Muhammad ibn Sahal ibn Abī Khaythamah daripada bapanya berkata: “Adapun mereka yang mengeluarkan fatwa sewaktu Rasulullah SAW masih hidup ialah tiga orang daripada kalangan Muhajirin dan tiga orang daripada kalangan Ansar. Mereka ialah ‘Umar, ‘Uthmān, ‘Alī, Ubay ibn Ka‘ab, Mu‘ādh ibn Jabal dan Zayd ibn Thābit r.a”.⁵ Riwayat lain daripada Masrūq berkata: “Aku menyelidiki para sahabat Rasulullah SAW dan aku dapati keilmuan mereka berakhir dengan enam orang iaitu; ‘Umar, ‘Alī, ‘Abdullah, Mu‘ādh, Abū al-Dardā’ dan Zayd ibn Thābit r.a”.⁶ Masrūq juga meriwayatkan: “Ashāb al-Fatwa daripada kalangan sahabat Rasulullah SAW ialah ‘Umar, ‘Alī, Ibn Mas‘ūd, Zayd, Ubay ibn Ka‘ab dan Abū Mūsa al-Ash‘arī”.⁷

Kesemua riwayat-riwayat ini menggambarkan beberapa individu tertentu yang dinobatkan sebagai ilmuan sahabat (*fiqhā’ al-ṣahābah*). Walau bagaimanapun, apabila diselidiki setiap daripada mereka didapati seramai tujuh orang sahabat adalah mereka yang banyak memberi sumbangan dalam

⁴ Al-Qarādāwī, Yūsuf, *al-Fiqh al-Islāmiyy Bayn al-Asālah Wa al-Tajdīd*. (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1999), 36.

⁵ Ibn Sa‘ad, Muḥammad ibn Sa‘ad ibn Manī‘ al-Baṣriyy, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*. (Beirūt: Dār Sādir, 1985) ii. 350.

⁶ Ibn Sa‘ad, Muḥammad ibn Sa‘ad ibn Manī‘ al-Baṣriyy, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*. ii. 351.

⁷ Ibn Sa‘ad, Muḥammad ibn Sa‘ad ibn Manī‘ al-Baṣriyy, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*. ii. 351.

bidang fiqh dan fatwa. Mereka ialah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, ‘Alī ibn Abī Ṭālib, ‘Abdullah ibn Mas‘ūd, ‘Abdullah ibn ‘Umar, ‘Abdullah ibn ‘Abbās, Zayd ibn Thābit dan ‘Aishah r.a.⁸

Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah telah membahagikan para sahabat Rasulullah SAW yang berperanan mengeluarkan fatwa kepada tiga kategori iaitu⁹:

- i. Golongan yang banyak mengeluarkan fatwa ialah seramai tujuh orang iaitu ‘Umar, ‘Alī, ‘Aishah, ‘Abdullah ibn Mas‘ūd, Zayd ibn Thābit, ‘Abdullah ibn ‘Abbās dan ‘Abdullah ibn ‘Umar.
- ii. Golongan yang sederhana mengeluarkan fatwa iaitu Anas ibn Mālik, Abū Bakar, ‘Uthmān ibn ‘Affān, Umm Salamah, Abū Sa‘īd al-Khudrī, Abū Hurayrah, ‘Abdullah ibn ‘Amru, ‘Abdullah ibn al-Zubayr, Abū Mūsa al-Ash‘arī, Sa‘ad ibn Abī Waqqāṣ, Salmān al-Fārisī, Jābir ibn ‘Abdullah, Mu‘ādh ibn Jabal, Ṭalḥah, al-Zubayr, ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Awf, ‘Imrān ibn Huṣayn, Abū Bakrah, ‘Ubādah ibn al-Šāmit dan Mu‘āwiyah ibn Abī Sufyān.
- iii. Golongan yang sedikit mengeluarkan fatwa; kumpulan ini adalah yang paling ramai daripada kalangan sahabat iaitu selain daripada mereka yang telah tersenarai dalam dua kategori sebelum ini seperti Abū al-Dardā’, Abū Salamah al-Makhzūmī, Abū ‘Ubaydah al-Jarrāḥ, Sa‘īd ibn Zayd, Ubay ibn Ka‘ab, Abū Dhar dan lain-lain lagi.

DEFINISI *QAWL AL-ŠAHĀBIYY*

Qawl al-ṣahābiyy digelar juga dengan istilah lain iaitu *fatwa al-ṣahābiyy* atau *madhhab al-ṣahābiyy*. Kesemuanya membawa maksud yang sama iaitu setiap pendapat atau pandangan tentang hukum sesuatu masalah yang tiada nas atau *ijmā‘* padanya dan disandarkan kepada para sahabat Rasulullah SAW walaupun seorang.¹⁰

⁸ Al-Sakhāwīyy, Muḥammad ibn ‘Abd al-Rahmān, *Fath al-mughīth sharḥ alfiyyah al-hadīth*, 98.

⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad Ibn Abī Bakar, *I‘lām al-Muwaqqī‘īn* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996), i. 10.

¹⁰ Muṣṭafa Dīb al-Bughā, *Athar al-Adillah al-Mukhtalaf fīhā fī al-Fiqh al-Islāmiyy*. (Beirūt: Dār al-Qalam, 1991), 339; Qutb Muṣṭafa Sānū, *Mu‘jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*. (Beirūt: Dār al-Fikr al-Mu‘āşar, 2000), 343.

Kewujudan *qawl al-şahābiyy* sebagai sumber hukum berpunca daripada pendekatan (*manhaj*) yang digunakan para sahabat sepanjang sejarah perundangan Islam. Dalam menyelesaikan sesuatu hukum, mereka akan merujuk kepada nas sama ada al-Qur'ān atau al-Sunnah. Sekiranya tidak terdapat penyelesaian pada keduanya, mereka akan membuat perbandingan dengan setiap masalah yang terdapat hukum padanya. Jika masih kesamaran, mereka akan bermesyuarat untuk meminta pandangan rama. Apabila mereka semua bersepakat dalam sesuatu hukum, maka ia dianggap *ijmā'* yang wajib diikuti. Namun, apabila tiada kata sepakat yang dicapai maka wujudlah perbezaan pandangan di antara satu dengan yang lain. Kesannya, setiap satu masalah berkemungkinan mempunyai beberapa hukum menurut pandangan setiap sahabat yang menyelesaikannya. Di samping itu, golongan minoriti daripada kalangan mereka biasanya akan mengikut pandangan majoriti yang diputuskan.¹¹

Apabila meneliti pengertian *qawl al-şahābiyy*, penumpuan juga diberikan kepada istilah *al-Şahābah*. Perkataan *al-Şahābah* dari sudut bahasa diambil dari perkataan *şāhib* yang bermaksud kawan, pemilik sesuatu benda dan mereka yang saling mendampingi antara satu dengan yang lain.¹² Manakala dari sudut istilah pula, ulama telah berselisih pendapat dalam menentukan pengertiannya kepada dua maksud. Punca perselisihan pendapat tersebut adalah kerana mengambil kira maksud asal perkataan tersebut dari sudut bahasa atau tidak.¹³ Dua pendapat tersebut merujuk kepada dua golongan yang menerangkannya iaitu ahli-ahli ḥadīth (*al-muḥaddithūn*) dan ahli-ahli usul al-fiqh (*al-uṣūliyyūn*).

Menurut *al-muḥaddithūn*, sahabat ialah mereka yang bertemu Rasulullah SAW dan beriman dengannya serta mati dalam keadaan Islam. Imam Ibn Hajar al-'Asqalāniyy berpendapat, sahabat ialah mereka yang berjumpa Rasulullah SAW dan beriman dengan ajarannya dan mati dalam keadaan Islam walaupun diselangi dengan murtad di antara pertemuan dan kematian mengikut pendapat yang sahih.¹⁴

¹¹ Muhammad Sallām Madkūr, *al-Madkhāl li al-fiqh al-Islāmiy* (Kuwait: Dār al-Kitāb al-Ḥadīth, n.d), 78-79. Kesemua pandangan sahabat disebut juga dengan istilah *Athar*.

¹² Al-Fayrūz Abādī, Muḥammad ibn Ya‘qūb, *al-Qāmīs al-Muḥīṭ* (Beirūt: Mu’assasat al-Risālah, 1994), 134.

¹³ Al-Sayyīd Muḥammad Nūḥ, *al-Şahābah wa Juhūduhum fī Khidmat al-Ḥadīth* (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā', 1993), 12.

¹⁴ Ibn Ḥajar al-'Asqalāniyy, Aḥmad Ibn ‘Alī, *Nuzhat al-Naẓar fī Tawdīḥ Nukhbāt al-Fikr fī Muṣṭalaḥ Ahl al-Athar* ('Ammān: Dār 'Ammār, 1999), 83.

Al-Uṣūliyyūn pula berpendapat maksud sahabat ialah mereka yang berjumpa Rasulullah SAW, beriman dengannya serta mendampingi baginda dalam satu tempoh yang boleh dianggap kawan dari sudut adatnya. Tempoh tersebut menjadi faktor untuk seseorang sahabat berkelayakan mengikuti dan mengambil *manhaj* Rasulullah SAW dalam mengeluarkan sesuatu hukum.¹⁵ Imam Sayf al-Dīn al-Āmīdiyy yang mewakili golongan *al-uṣūliyyūn* mendefinisikan sahabat sebagai mereka yang melihat Rasulullah SAW dan mempunyai pengkhususan sebagai seorang rakan dengan tempoh perdampingan yang panjang walaupun tidak meriwayatkan ḥadīth.¹⁶

Kesimpulannya, punca perbezaan kedua-dua definisi tersebut kerana perbezaan bidang atau aspek penumpuan masing-masing yang mewakili aliran pengkhususan yang berbeza. Golongan *al-uṣūliyyūn* melihat tempoh masa mempengaruhi kemampuan dan kebolehan untuk mengistinbatkan hukum. Manakala *al-muḥaddithūn* hanya melihat sejauhmana periwayatan ḥadīth dapat dilakukan oleh seseorang sahabat walaupun satu ḥadīth sahaja. Hakikatnya, kesemuanya bersepakat dalam mengatakan bahawa sahabat r.a adalah mereka yang bertemu dan beriman dengan Rasulullah SAW semasa hidup baginda dan mati dalam keadaan Islam.

STATUS *QAWL AL-ṢAḤĀBIYY* SEBAGAI SUMBER HUKUM

Secara umumnya, kredibiliti para sahabat tidak boleh disangkal oleh umat Islam. Mereka merupakan generasi awal dakwah Rasulullah SAW yang beriman dan mendapat didikan langsung daripada baginda. Kelebihan itu menjadikan mereka sentiasa bersungguh-sungguh dalam mengamalkan hukum syarak. Mereka sanggup berkorban sama ada dengan nyawa, harta atau keduanya demi menegakkan agama tercinta. Sifat-sifat terpuji seperti pemurah, zuhud dan merendah diri sentiasa menjadi hiasan diri mereka.¹⁷ Kredibiliti mereka juga dilihat dari sudut konsep ‘*adālah*¹⁸ yang tidak boleh dipertikaikan. Imam

¹⁵ Abū al-Ḥasan al-Baṣrī al-Mu‘taziliyy, Muḥammad ibn ‘Alī, *al-Mu‘tamad fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, n.d), ii. 172.

¹⁶ Al-Āmīdiyy, ‘Ali ibn Muḥammad, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, n.d), i. 321.

¹⁷ Al-Amīniyy, Nūr ‘Ālam Khalīl, *al-Ṣaḥābah wa Makānatuhum fī al-Islām* (al-Qāhirah: Dār al-Šaḥwah, 1989), 31-50.

¹⁸ Ibn al-Ṣallāḥ, ‘Uthmān ibn ‘Abd al-Raḥmān, ‘*Ulūm al-Hadīth* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1986), 104-105. Kepentingan konsep ini ialah bagi memastikan sesuatu riwayat khususnya ḥadīth Rasulullah SAW diterima atau dikategorikan kepada ḥadīth *ṣaḥīḥ*, *hasan* atau *da‘īf*. Ia bertujuan menentukan syarat perawi dalam sanad ḥadīth tersebut. Asas kepada konsep ‘*adālah* ialah Islam, baligh, berakal dan terselamat daripada perkara-perkara fasiq dan yang mencacatkan maruah.

al-Sakhāwiyy menerangkan kedudukan ‘*adālah* para sahabat: “Persepakatan golongan ahli al-Sunnah tentang semua para sahabat r.a adalah adil secara mutlak sama ada golongan dewasa atau kecil, yang terlibat dengan zaman fitnah atau tidak, sebagai satu sangkaan baik terhadap mereka memandangkan usaha mereka dalam mematuhi perintah selepas Rasulullah SAW.”¹⁹

Ulama usul al-fiqh atau *al-uṣūliyyūn* telah membincangkan kedudukan *qawl al-ṣahābiyy* dalam menentukan sesuatu hukum dengan memfokuskan sejauhmana penerimaan atau penolakan *qawl al-ṣahābiyy* sebagai salah satu dalil yang diperselisihkan (*al-adillah al-mukhtalafīthā*) dalam sumber hukum perundangan Islam. Pendirian *al-uṣūliyyūn* yang berbeza tentang penerimaan *qawl al-ṣahābiyy* berpunca daripada kedudukan dan keutamaan yang ada pada diri sahabat r.a yang tidak jauh bezanya dengan mujtahid-mujtahid yang lain. Mereka mempunyai kemampuan untuk berijtihad dan mengistinbatkan hukum sama seperti generasi selepasnya yang mempunyai keahlian untuk berbuat demikian.

Pada asalnya, setiap pendapat yang dikeluarkan oleh seseorang sahabat r.a hanyalah sebagai fatwa yang disandarkan kepada diri masing-masing. Mereka tidak mewajibkan orang lain untuk mengikutnya, bahkan saling menghormati keputusan yang dikeluarkan oleh sahabat yang lain. Pandangan mereka juga dikeluarkan bagi tujuan memahami sesuatu nas atau menyelesaikan sesuatu masalah realiti yang benar-benar wujud dan bukannya sangkaan semata-mata (*al-iftirāḍiy*).²⁰

Ulama *uṣūliyyūn* bersepakat menerima *qawl al-ṣahābiyy* sebagai sumber hukum dalam perkara-perkara berikut:²¹

a) Pendapat yang dikeluarkan oleh seseorang sahabat dalam sesuatu masalah ijtihad tidak menjadi hujah atau pegangan kepada sahabat yang lain. Ini kerana, mereka berijmā‘ dalam membenarkan perselisihan pandangan di antara satu sama lain. Selain itu, sekiranya sesuatu pendapat itu menjadi ikutan kepada yang lain nescaya akan menjadi suatu yang mustahil.²²

¹⁹ Al-Sakhāwiyy, Muḥammad ibn ‘Abd al-Rahmān, *Fath al-Mughīth Sharḥ Alfiyyah al-Hadīth* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah,1993), iii. 91.

²⁰ Idrīs Jum‘ah Darār Bashīr, *al-Ra‘yu wa Atharuhu fī al-Fiqh al-Islāmiyy* (al-Qāhirah: Dār Ihyā‘ al-Kutub al-‘Arabiyyah, n.d), 171-175.

²¹ Al-Zuhayliyy, Wahbah. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmiyy*, ii. 850-851.

²² Al-Zarkashiyy, Muḥammad ibn Bahādir, *Tashnīf al-Masāmi‘ bi jam‘ al-jawāmi‘* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), ii. 154; al-Shawkāniyy, Muḥammad ibn ‘Alī, *Irshād al-Fuhūl ila Taḥqīq al-Haq min ‘ilm al-Uṣūl* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 360.

- b) Pendapat sahabat r.a dalam perkara-perkara yang tidak boleh diijtihadkan atau tidak mampu diketahui oleh akal dihukumkan sebagai hujah kepada generasi selepas mereka seperti perincian ibadah khusus dan perkara yang berkaitan dengan kadar timbangan.²³ Ini kerana, setiap perkara tersebut berkemungkinan diperolehi hanya daripada baginda Rasulullah SAW sahaja dan ianya hampir kepada kedudukan sunnah baginda SAW. Dalam erti kata lain, ia dikategorikan sebagai *hadīth marfū'* dari sudut hukum.²⁴
- c) Pendapat sahabat r.a yang tidak terdapat penentangan ke atasnya oleh sahabat yang lain dihukumkan sebagai hujah kepada setiap orang Islam. Ini kerana pendapat ini dikategorikan sebagai *ijmā' al-ṣahābah*.²⁵ Walau bagaimanapun, persepakatan itu hanya diletakkan di dalam bahagian *al-ijmā' al-sukūtiyy*.²⁶

Perselisihan yang berlaku di antara ulama *uṣūliyyūn* adalah pada perkara-perkara yang terhasil daripada ijтиhad sahabat semata-mata tanpa terikat dengan tiga perkara sebelum ini. Persoalannya, sejaухманakah pandangan mereka boleh dijadikan hujah dalam menentukan sesuatu hukum kepada generasi selepas mereka. Secara umumnya, perselisihan pendapat tersebut dibahagikan kepada tiga pendapat utama iaitu:²⁷

²³ Al-Bukhāriyy, ‘Abd al-‘Azīz ibn Aḥmad, *Kashf al-Asrār ‘an Uṣūl al-Bazdawiy* (Beirût: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), iii. 325-326.

²⁴ Ibn Ḥajar al-‘Asqalāniyy, Aḥmad ibn ‘Alī. *Nuzhat al-Nazar fī Tawdīh Nukhbat al-Fikr fī Muṣṭalah ahl al-Athar*, 78-79. *Hadīth marfū'* ialah setiap hadīth sama ada berbentuk perkataan, perbuatan atau pengakuan yang sanadnya bersambung terus kepada Rasulullah SAW secara jelas atau dari sudut hukum. Contoh *marfū'* yang jelas ialah apabila seorang sahabat berkata: “Aku dengar Rasulullah SAW bersabda...”. Manakala contoh *marfū'* dari sudut hukum ialah kata-kata sahabat yang menceritakan keadaan umat terdahulu dalam perkara-perkara yang tidak boleh diijtihadkan.

²⁵ Al-Bukhāriyy, ‘Abd al-‘Azīz ibn Aḥmad. *Kashf al-Asrār ‘an Uṣūl al-Bazdawiy*, 334.

²⁶ Kategori *ijmā'* dari sudut cara pembentukan dan persepakatan ke atas sesuatu hukum terbahagi kepada dua bahagian, iaitu: *al-ijmā' al-Šari‘* dan *al-ijmā' al-Sukūtiyy*. Kategori pertama merupakan hasil persepakatan daripada kesemua ulama yang hadir tanpa sebarang bentuk bantahan. Manakala kategori kedua ialah persepakatan yang tidak menyeluruh iaitu terdapat segelintir ulama’ yang berdiam diri dengan mengambil sikap berkecualian.

²⁷ Khalīfah Bābkar al-Ḥasan, *al-Adillah al-Mukhtalaf fīhā ‘ind al-Uṣūliyyīn* (t.tp.: Maktabah Wahbah, 1987), 68-70; Sha‘bān, Muḥammad Ismā‘īl, *Qawl al-Ṣahābiyy fī al-Fiqh al-Islāmiyy* (t.tp.: Dār al-Salām, 1988), 54-97; Muḥammad Sa‘īd Shāhātiḥ Maṇṣūr. *al-Adillah al-‘Aqlīyyah wa ‘Alāqatuhā bi al-Naqlīyyah ‘ind al-Uṣūliyyīn* (al-Khurṭūm: al-Dār al-Sudāniyyah, 1999), 476-499.

- 1) *Qawl al-ṣahābiyy* diterima dan dijadikan hujah secara mutlak.
- 2) *Qawl al-ṣahābiyy* tidak diterima dan ditolak secara mutlak.
- 3) *Qawl al-ṣahābiyy* diterima dan boleh dijadikan hujah secara bersyarat.

Pendapat yang Menerima Secara Mutlak Beserta Dalil

Pendapat ini dikemukakan oleh imam-imam dalam madhhab Hanafi, Imam Mālik, pendapat *qadīm* Imam al-Shāfi‘iyy dan pendapat yang jelas bagi Imam Ahmad.²⁸ Mereka menggunakan beberapa dalil sama ada ayat al-Qur’ān, ḥadīth dan logik akal bagi menyokong pendapat tersebut. Dalil-dalil ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian; dalil naqlī dan dalil ‘aqlī.²⁹

a) Dalil naqli :

Antaranya ialah firman Allah S.W.T:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَاوُنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَوْمِئُنُ بِإِلَهٍ وَلَوْلَا إِلَهٌ أَكْثَرُ كُتُبٍ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ قَاتَلُوكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِيقُونَ

"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

(Surah Āli ‘Imrān, 3: 110)

Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T berfirman:

وَالسَّنِيقُونَ الْأَوْلَوْنَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ

²⁸ Al-Bukhāriyy, ‘Abd al-‘Azīz ibn Aḥmad. *Kashf al-Asrār ‘an Uṣūl al-Bazdawiy*, 323; Ibn Qudāmah, ‘Abd al-Raḥman ibn Aḥmad., *Rawḍat al-Nāżir wa Jannat al-Manāżir* (Makkah: al-Maktabah al-Makkiyyah, 1998), i. 466-470.

²⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad Ibn Abī Bakar. *I'lām al-Muwaqqi'īn*, iv. 94-116. Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah telah membawa 46 dalil sama ada naqli atau ‘aqli di dalam karyanya “*I'lām al-Muwaqqi'īn*” bagi menyokong pendapat pertama iaitu *qawl al-ṣahābiyy* diterima sebagai hujah hukum.

يٰاٖٮسٰن رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَاعَدَ اللَّهُمْ جَنَّتٍ تَجْرِي
تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ خَلَدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْرُ الْعَظِيمُ

“Dan orang-orang yang terdahulu, yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari antara orang-orang Muhajirin dan Ansar, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan dia, serta ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar.”

(Surah al-Tawbah, 9: 100)

Selain itu, terdapat saranan daripada Rasulullah SAW supaya umat Islam menjadikan mereka golongan yang diikuti. Antaranya, ḥadīth Rasulullah SAW:

النجوم أمنة للسماء، فإذا ذهبت النجوم أتى السماء ما توعد، وأنا أمنة لأصحابي فإذا ذهب أصحابي أتى أصحابي ما يوعدون، وأصحابي أمنة لأمتى فإذا ذهب أصحابي أتى أمتى ما يوعدون

*“Bintang adalah penyelamat langit. Apabila perginya bintang tersebut, maka akan didatangilah langit apa yang telah dijanjikan untuknya. Aku adalah penyelamat bagi sahabatku. Apabila aku telah pergi maka akan didatangilah sahabatku apa yang telah dijanjikan untuk mereka. Sahabatku pula adalah penyelamat umatku. Apabila perginya sahabatku maka akan didatangilah umatku apa yang dijanjikan untuk mereka”*³⁰

Dalam hadīth yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

لا تسبوا أصحابي فوالذي نفسي بيده لو أنفق أحدكم مثل أحد ذهبا ما بلغ مد أحدهم ولا نصيفه

"Jangan kamu mencerca para sahabatku. Demi sesungguhnya diriku pada kekuasaannya, jika ada di kalangan kamu

³⁰ Muslim, *al-Musnad al-Šahīḥ*, Kitāb Faḍā'il al-Šahābah (44), Bab: Bayān anna baqā' al-Nabiyy (51), no: 6466. (Beirût: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabiyy, n.d), iv. 1961.

*membelanjakan emas sebesar Bukit Uhud sekalipun, ia tidak mencapai nilai secupak makanan atau setengahnya yang dibelanja oleh mereka”.*³¹

Kesemua ḥadīth ṣahīḥ tersebut membuktikan kedudukan sahabat yang tersendiri berbanding umat Islam yang lain. Walaupun mereka tidak mencapai darjat *ma'ṣūm*, namun kredibiliti mereka tidak boleh dipertikaikan. Terdapat juga ḥadīth-ḥadīth lain yang menunjukkan pujian Rasulullah SAW terhadap individu tertertu daripada kalangan sahabat yang menjadikan kelebihan dan kedudukan mereka semakin dipandang mulia.

b) Dalil ‘aqlī

Antara logik akal yang digunakan ialah para sahabat merupakan golongan yang paling hampir dengan Rasulullah SAW. Kedudukan ini memberi keistimewaan kepada mereka untuk melihat sendiri wahyu diturunkan, memahami maksud sesuatu hukum disyariatkan dan mematuhi tuntutan syariat dengan penuh keikhlasan. Selain itu, kebarangkalian pendapat yang dikemukakan oleh mereka adalah hampir kepada sunnah Rasulullah SAW kerana sikap mereka yang sentiasa mendampingi baginda SAW.³²

Pendapat yang Menolak Secara Mutlak Beserta Dalil

Penolakan *qawl al-ṣahābiyy* sebagai hujah telah dinyatakan oleh jumhur al-Ashā'irah, al-Mu'tazilah, al-Shī'ah, pendapat *jadīd* Imam al-Shāfi'iyy,³³ salah

³¹ Al-Bukhāriyy, Muḥammad ibn Ismā‘il, *al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣahīḥ*, “Kitab al-Manāqib (62), Bab: Faḍl Abī Bakar (4), no: 3673 (t.tp: Dār Ṭawq al-Najāt, n.d), v. 8.

³² Al-Bukhāriyy, ‘Abd al-‘Azīz ibn Aḥmad. *Kashf al-Asrār ‘an Uṣūl al-Bazdawiyah*, 330-331.

³³ Menurut kebanyakan ulama usul al-fiqh yang terkini, sandaran kepada Imam al-Shāfi'iyy tentang penolakannya ke atas *qawl al-ṣahābiyy* sebagai sumber hukum adalah tidak tepat dan tidak berasas. Ini kerana ianya bertentangan dengan riwayat Imam al-Shāfi'iyy sendiri dalam karya terakhirnya iaitu al-Umm dan al-Risālah. Ini menunjukkan Imam al-Shāfi'iyy menerima *qawl al-ṣahābiyy* sebagai sumber hukum sama seperti pandangan *qadīm* di Iraq. Sebagai contoh, beliau berkata apabila ditanya tentang pendapat sahabat dalam karyanya al-Risalah: “Kita akan berpegang dengannya (pendapat sahabat) sekiranya menyokong nas al-Qur’ān, al-Sunnah, al-Ijmā‘ atau qiyas yang paling tepat”. al-Shāfi'iyy, Muḥammad Ibn Idrīs. *al-Risālah* (Beirūt: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, n.d), 596; Muḥammad Sa‘īd Shahātiḥ Mansūr. *al-Adillah al-‘Aqliyyah wa ‘Alāqatuhā bi al-Naqliyyah ‘ind al-Uṣūliyyīn*, 505-507.

satu riwayat daripada Imam Ahmad dan kebanyakan ulama madhhab Hanafī, Mālikī dan Shāfi‘iyy.³⁴

Dalil-dalil sandaran yang menyokong pendapat ini ialah naqlī dan ‘aqlī.

a) Dalil naqlī

Firman Allah S.W.T:

فَاعْتَرُوا يَأْوِلِي الْأَبْصَرِ

“Maka insaflah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya.”

(Surah al-Hashr, 59: 2)

Ayat ini menunjukkan suruhan untuk mengambil pengajaran yang hanya dilakukan secara qiyās dan ijtihad. Oleh itu, seseorang yang mempunyai keahlian dan keupayaan berijtihad sama ada daripada kalangan sahabat atau tidak, maka hendaklah dia melakukannya tanpa bertaqlid kepada orang lain.

Firman Allah S.W.T lagi:

فَإِنْ نَزَعْنَا مِنِّي شَيْءٍ فَرُدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ

“Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Qur’ān) dan sunnah RasulNya.”

(Surah al-Nisā, 4:59)

Berdasarkan ayat di atas, al-Qur’ān dan al-Sunnah merupakan sumber panduan kepada umat Islam dalam apa jua keadaan. Penggunaan sumber selain daripadanya menunjukkan pengabaian kepada nas tersebut.

Pendapat ini juga menggunakan ijmā‘ sebagai sandaran dengan mengatakan ijmā‘ sahabat membenarkan perselisihan sesama sahabat antara satu dengan yang lain. Maka sekiranya pendapat sahabat menjadi hujah, nescaya akan menyebabkan perbalahan yang berpanjangan disebabkan pendapat mereka adalah berbeza-beza.³⁵

³⁴ Al-Ghazāliyy, Muḥammad ibn Muḥammad, *al-Mustasfa min ‘ilm al-Uṣūl* (Beirūt: Mu’assasat al-Risālah, 1997), i. 400.

³⁵ Al-Bayḍāwiyy, ‘Abdullah ibn ‘Umar, *Minhāj al-Wuṣūl ila ‘Ilm al-Uṣūl* (Damshiq: Dār Dāniyyah, 1989), 165.

b) Dalil ‘aqlī

Golongan ini juga menggunakan dalil ‘aqlī bagi mengukuhkan pendapat mereka. Antaranya, pendapat sahabat tidak digunakan sebagai hujah dalam masalah akidah. Oleh itu, pendapat mereka juga tidak digunakan sebagai sandaran dalam penentuan hukum-hukum *fūrū'*. Di samping itu, ijтиhad yang dilakukan oleh para sahabat r.a tidak terlepas daripada kesilapan sepetimana ijтиhad tersebut dibuat dan dilakukan oleh selain sahabat r.a.³⁶

Pendapat yang Menerima Dengan Bersyarat Beserta Dalil

Bagi kategori ini, sesuatu *qawl al-ṣahābiyy* akan digunakan sebagai sumber hukum apabila memenuhi prasyarat atau keadaan tertentu. Secara amnya, setiap keadaan atau prasyarat tersebut merujuk kepada dua faktor iaitu melihat kepada kekuatan sesuatu *qawl al-ṣahābiyy* berbanding *qiyyās* dan merujuk kepada individu sahabat yang mengeluarkannya.³⁷

Antara prasyarat atau keadaan bagi menerima *qawl al-ṣahābiyy* sebagai sumber hukum ialah:³⁸

- a) *Qawl al-ṣahābiyy* akan digunakan sebagai hujah apabila bertentangan dengan *qiyyās*. Oleh itu, *qiyyās* bagi sesuatu masalah itu akan diabaikan dan setiap *qawl al-ṣahābiyy* bagi masalah tersebut lebih diutamakan.³⁹

Mereka berpendapat apabila seseorang sahabat itu berijtihad yang bertentangan dengan *qiyyās*, ia menunjukkan sahabat tersebut mempunyai dalil naqli yang tersendiri yang sabit daripada Rasulullah SAW. Namun, sekiranya pendapat mereka menyerupai *qiyyās*, maka kedudukannya adalah sama dengan ijтиhad yang dikemukakan oleh mujtahid lain selain sahabat. Ini kerana penilaian kedua mereka adalah sama iaitu mengikut prinsip-prinsip umum *qiyyās*. Hujah ini merupakan logik akal semata-mata.

- b) *Qawl al-ṣahābiyy* akan diterima sekiranya terdapat bersamanya *qiyyās* yang menyokong sesuatu masalah. Dalam hal ini, *qiyyās* yang tiada bersamanya *qawl al-ṣahābiyy* akan diabaikan dalam penentuan hukum tersebut. Pendapat ini bersandarkan kepada sangkaan biasa yang menunjukkan sesuatu pandangan sahabat itu sabit secara *tawqīf* dan bersumberkan dalil

³⁶ Al-Bukhāriyy, ‘Abd al-‘Azīz ibn Aḥmad. *Kashf al-Asrār ‘an Uṣūl al-Bazdawiy*, 328; al-Bayḍāwiyy, ‘Abdullah ibn ‘Umar. *Minhāj al-Wuṣūl ila ‘Ilm al-Uṣūl*, 165.

³⁷ Al-Āmidiyy, ‘Ali Ibn Abi ‘Ali. *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, ii. 385.

³⁸ Al-Zarkashiyy, Muḥammad ibn Bahādir. *Tashnīf al-Masāmi‘ Bijam‘ al-Jawāmi‘*, 156-158.

³⁹ Al-Mardāwiyy, ‘Alī ibn Sulaymān, *al-Tahbīr Sharḥ al-Taḥrīr fī Uṣūl al-Fiqh* (al-Riyyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2000), viii. 3810.

naqli yang tertentu. Mereka tidak akan menggunakan qiyās melainkan dalam situasi yang memaksa. Oleh itu, apabila wujud pendapat sahabat dan qiyās dalam masalah yang sama, maka keduanya saling memperkuuhkan terutama pandangan sahabat yang diandaikan lebih kepada dalil.

- c) *Qawl al-ṣahābiyy* akan menjadi sandaran hukum apabila ia datang atau dikeluarkan oleh al-Khulafā' al-Rāshidīn. Ini kerana, kesepakatan empat orang khalifah tersebut dalam sesuatu masalah dianggap sebagai ijmā'.⁴⁰ Oleh yang demikian, pandangan mereka akan digunakan dalam menyelesaikan sesuatu hukum.⁴¹ Dalil yang menyokong pendapat mereka ialah ḥadīth Rasulullah SAW:

فَعَلِيكُمْ بِسْتَيْ وَسَنَةِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ

*“Berpeganglah kamu dengan sunnahku dan sunnah khulafa’ al-rāshidīn yang memberi petunjuk”.*⁴²

- d) *Qawl al-ṣahābiyy* yang dikeluarkan oleh Abu Bakar dan ‘Umar sahaja akan diterima sebagai sumber hukum. Kekuatan pendapat sahabat yang lain tidak setanding dengan kedua mereka.⁴³ Golongan ini juga menggunakan ḥadīth Rasulullah SAW yang memuji dua orang sahabat tersebut untuk diikuti oleh orang lain. Rasulullah SAW bersabda:

اقْتَدُوا بِاللَّذِينَ مِنْ بَعْدِي أَبِي بَكْرٍ وَ‘وَمِّارِ

*“Ikutlah dua orang selepasku: Abu Bakar dan ‘Umar”.*⁴⁴

Namun, pujian dalam hadīth tersebut tidak boleh diterima sepenuhnya disebabkan terdapat nas-nas lain yang memuji secara langsung sahabat-sahabat lain selain Abū Bakar dan ‘Umar.

⁴⁰ Sha‘bān, Muḥammad Ismā‘īl, *Dirāsāt Hawl al-Ijmā‘ wa al-Qiyās* (al-Qāhirah: Maktabah al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, 1994), 161-178. Kategori ijmā‘ yang khusus dari sudut individu yang menggubalnya terbahagi kepada beberapa bahagian; iaitu: *Ijmā‘ ahl al-Madīnah*, *Ijmā‘ ahl al-Haramayn*, *Ijmā‘ ahl Miṣrayn*, *Ijmā‘ al-Shaykhayn* (Abū Bakar dan ‘Umar), *ijmā‘ al-Khulafā’ al-Rāshidīn*, *ijmā‘ al-‘Atrah (ahl al-Bayt)*. Namun, ulama berselisih pandangan dalam menerima setiap bahagian ijmā‘ tersebut sebagai sumber hukum.

⁴¹ Al-Shīrāziyy, Ibrāhīm ibn ‘Alī, *al-Luma‘ fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirūt: Dār Ibn Kathīr, 1995), 195.

⁴² Abū Daud, Sulaymān ibn al-Ash‘ath, Sunan Abī Daud, Kitāb al-Sunnah (34), Bab: fi lutzūm al-sunnah (6), no: 4607. (Beirūt: al-Maktabah al-‘Asriyyah, n.d), iv. 197.

⁴³ Al-Shīrāziyy, Ibrāhīm ibn ‘Alī. *al-Luma‘ fī uṣūl al-fiqh*, 197.

⁴⁴ Al-Tirmidhiyy, Muḥammad ibn ‘Isa, *al-Jāmi‘*, Kitāb al-Manāqib (46), Bab: Iqtadū bi Alladhayni (16), no: 3662. (Meşir: Maṭbaah Muṣṭafā al-Halābī, 1975), v. 609.

Secara amnya, setiap keadaan dan prasyarat yang ditentukan dalam kategori ini adalah bagi memastikan setiap pandangan dan pendapat para sahabat r.a mempunyai nilai keutamaan tersendiri sesuai dengan pujian-pujian terhadap mereka. Ini kerana, sumbangan mereka sepanjang sejarah perundungan Islam tidak ditolak secara total. Oleh yang demikian, berdasarkan semua keadaan dan prasyarat tersebut, al-Ḥāfiẓ al-‘Alā’iyy menjelaskan bahawa setiap satu daripadanya adalah merujuk kepada susunan keutamaan penerimaan *qawl al-şahābiyy* terutama apabila berlaku pertembungan nas dalam sesuatu masalah (*al-ta‘āruḍ*). Keutamaan pemakaian pandangan mereka adalah seperti berikut:⁴⁵

- 1) Persepakatan pendapat al-Khulafā’ al-Rāshidīn diutamakan dan didahulukan.
- 2) Sekiranya masih terdapat perselisihan, maka hendaklah melihat kepada persepakatan Abu Bakar dan ‘Umar.
- 3) Sekiranya masih timbul pertembungan, maka hendaklah merujuk pandangan setiap al-Khulafā’ al-Rāshidīn walaupun seorang.
- 4) Apabila tiada pandangan daripada salah seorang al-Khulafā’ al-Rāshidīn, maka hendaklah merujuk pandangan sahabat-sahabat yang lain.
- 5) Sekiranya terdapat banyak pandangan mereka, maka *qawl al-şahābiyy* yang berlawanan dengan *qiyyās* diutamakan.
- 6) Menggunakan *qiyyās* yang disokong oleh *qawl al-şahābiyy* adalah pilihan terakhir dalam menyelesaikan masalah *al-ta‘āruḍ*.

QAWL AL-ŞAHĀBIYY DALAM KES-KES FARĀ'IḌ TERENTTU

Qawl al-şahābiyy merupakan sebahagian bentuk pemikiran dan hasil ijtihad yang merangkumi setiap pandangan yang dikeluarkan oleh para sahabat r.a. Mereka telah menggunakan pemikiran masing-masing bagi mendapatkan penyelesaian ke atas masalah-masalah semasa yang timbul. Ijtihad yang digunakan bersifat umum iaitu melibatkan perkara-perkara yang terdapat padanya nas atau tidak.⁴⁶ Dua bentuk utama *qawl al-şahābiyy* yang dikemukakan iaitu secara individu (*fardiy*) dan kelompok (*jamā'iyy*). Kebiasaannya, pada peringkat awal ijtihad secara kelompok untuk mendapat pandangan ramai lebih diamalkan dan diutamakan oleh para sahabat Rasulullah SAW. Hal ini dapat dilihat dalam

⁴⁵ Al-‘Alā’iyy, Khalīl ibn Kaykaldī, *Ijmāl al-İṣābah fī Aqwāl al-Şahābah* (Kuwait: Jam‘iyah Ihyā’ al-Turāth al-Islāmiyy, 1987), 47-75.

⁴⁶ Muhammad Fathī al-Darīniyy, *al-Manāhij al-Uṣūliyyah* (Beirūt: Mu’assasat al-Risālah, 1997), 33-34.

beberapa situasi seperti perlantikan khalifah yang pertama, pembahagian harta perang dan penentuan agihan pusaka kepada nenek.⁴⁷ Namun, pembukaan kawasan yang baru dan penghijrahan para sahabat ke tempat-tempat yang baru selain semenanjung tanah Arab telah menyebabkan mereka lebih cenderung untuk berijihad secara individu dalam sesuatu masalah yang timbul.

Ijtihad yang dikemukakan oleh setiap para sahabat r.a terdiri daripada tiga kategori utama:⁴⁸

- a) Menerangkan semula dan mentafsirkan nas sama ada daripada al-Qur'an atau al-Sunnah. Penerangan tersebut berlaku dalam memahami nas yang mengandungi maksud tersirat (*zanniyah al-dalālah*). Adapun dalam masalah-masalah yang hukumnya jelas dan terang disebut di dalam nas, para sahabat atau mujtahid lain tidak perlu berusaha untuk berijihad mengeluarkan hukum yang baru. Akan tetapi mereka sekadar memperkuatkan serta membenarkan apa yang termaktub di dalam nas.⁴⁹
- b) Membandingkan masalah yang baru dengan hukum yang menyerupainya seperti yang terdapat di dalam nas.
- c) Pandangan akal (*al-ra'yū*) semata-mata tanpa terikat dengan nas atau *qiyās*.

Manakala sumber atau dalil yang digunakan semasa berijihad dan menjadi sandaran sesuatu hukum ialah al-Qur'an, al-Sunnah dan *al-ra'yū* yang meliputi *qiyās* dan kaerah-kaerah lain yang kemudiannya digelar dengan istilah tertentu seperti *maṣlaḥah*, *istihsān* atau *istishāb*. Walau bagaimanapun, mereka akan mengutamakan nas dalam menyelesaikan sesuatu hukum.⁵⁰

Sepanjang sejarah perundungan Islam, terdapat beberapa kes *farā'id* yang dicatatkan sehingga menjadikan kes tersebut terkenal. Kesemua kes-kes tersebut mempunyai nama-nama atau gelaran yang tersendiri. Kebiasaannya kes tersebut berkait rapat dengan mereka yang menyelesaikan masalah pengagihan harta pusaka. Selain itu, kes-kes yang biasanya dibincangkan merupakan masalah pengecualian dalam pengiraannya berbanding kaerah pengagihan yang sepatutnya. Secara amnya, kes-kes *farā'id* tertentu yang menjadi perbincangan ulama merujuk kepada dua kategori yang utama:⁵¹

⁴⁷ Idrīs Jum'ah Darār Bashīr. *al-Ra'yū wa Atharuhu fī al-Fiqh al-Islāmiyy*, 157.

⁴⁸ Muḥammad Sallām Madkūr. *al-Madkhāl li al-Fiqh al-Islāmiyy*, 72-73.

⁴⁹ Nādiyyah Sharīf al-'Umriyy, *Al-Ijtihād fī al-Islām* (Beirūt: Mu'assasat al-Risālah, 1985), 53.

⁵⁰ Sha'bān, Muḥammad Ismā'īl, *al-Ijtihād al-Jamā'iyy* (Beirūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1998), 86.

⁵¹ Al-Shaykh Muḥammad al-Shammā', *al-Muṣfid min al-Abhāth fī Aḥkām al-Zawāj wa al-Talāq wa al-Mīrāth* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1995), 359-367.

- a) Kategori pertama: kes-kes yang melibatkan pengecualian daripada pengiraan asal yang sepatutnya. Kes-kes utama dalam kategori ini ialah kes *al-musharrakah*⁵², *al-akdariyyah*⁵³ dan *al-mālikiyah*.⁵⁴
- b) Kategori kedua: kes-kes khas yang mempunyai nama atau gelaran tertentu seperti *al-gharrāwān*⁵⁵, *al-minbāriyyah*⁵⁶, *al-dīnāriyyah*⁵⁷, *umm al-farūkh*⁵⁸, *umm al-arāmil*⁵⁹, *al-kharqā'*⁶⁰, *al-yatīmatān*⁶¹, *al-mubāhalah*⁶², *al-marwāniyyah*⁶³, *al-ma'mūniyyah*.⁶⁴

⁵² Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, saudara-saudara seibu (dua orang dan lebih) dan saudara (lelaki dan perempuan) seibu seberapa.

⁵³ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk dan saudara perempuan seibu seberapa atau seberapa.

⁵⁴ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk, saudara-saudara seibu dan seorang saudara lelaki seberapa.

⁵⁵ Kes ini melibatkan dua situasi iaitu si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu dan bapa atau si mati yang meninggalkan waris iaitu isteri, ibu dan bapa.

⁵⁶ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu isteri, dua orang anak perempuan, ibu dan bapa.

⁵⁷ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu isteri, ibu, dua orang anak perempuan, dua belas saudara seibu seberapa dan seorang saudara perempuan seibu seberapa.

⁵⁸ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, empat orang saudara perempuan seibu dan dua orang saudara perempuan seibu seberapa.

⁵⁹ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu tiga orang isteri, dua orang nenek yang sama kedudukan, empat orang saudara perempuan seibu dan lapan orang saudara perempuan seibu seberapa.

⁶⁰ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu ibu, datuk dan seorang saudara perempuan seibu seberapa atau seberapa.

⁶¹ Kes ini melibatkan dua keadaan; pertama: si mati yang meninggalkan waris iaitu suami dan seorang saudara perempuan seibu seberapa, kedua: si mati meninggalkan suami dan seorang saudara perempuan seberapa.

⁶² Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu dan seorang saudara perempuan seibu seberapa.

⁶³ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami dan enam orang saudara perempuan daripada semua pangkat (2 orang seibu seberapa, 2 orang seberapa dan 2 orang seibu).

⁶⁴ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu bapa, ibu dan dua orang anak perempuan. Kemudian salah seorang anak perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris-waris yang lain.

Dalam penulisan ini, penulis hanya menerangkan beberapa kes *farā'iḍ* tertentu sebagai sampel yang menunjukkan terdapat ijтиhad para sahabat dalam menerangkan dan menyelesaikan kes-kes tersebut. Empat kes tersebut ialah kes *al-musharrakah*, *al-kharqā'*, *al-akdariyyah* dan *al-ḥamziyyah*. Pemilihan beberapa kes *farā'iḍ* menunjukkan ijтиhad sangat diperlukan walaupun perbincangan *farā'iḍ* termasuk dalam hukum-hukum fiqh yang terperinci (*al-ahkām al-tafṣīliyyah*).

KES *AL-MUSHARRAKAH*

Kes ini disebut juga dengan *al-mushtarakah*. Antara nama yang popular tentang kes ini ialah *al-‘umariyyah*, *al-ḥajariyyah*, *al-yamiyyah* dan *al-ḥimariyyah*.⁶⁵ Masalah ini berlaku apabila si mati seorang perempuan dan meninggalkan suami, ibu, dua orang atau lebih saudara-saudara seibu sama ada lelaki atau perempuan dan saudara-saudara (lelaki dan perempuan) seibu seberapa. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat saudara-saudara perempuan seibu seberapa sahaja pada tempat saudara lelaki seibu seberapa maka masalah *al-mushtarakah* tidak akan berlaku.

i. Penyelesaian ‘Alī, Ubay ibn Ka‘ab Ibn ‘Abbās dan Abū Mūsa r.a:

Menurut ijтиhad para sahabat tersebut, pengiraan asal *farā'iḍ* ialah suami akan memperolehi 1/2 (menyamai 3/6), bahagian ibu 1/6 (menyamai 1/6) dan saudara-saudara seibu mendapat 1/3 (menyamai 2/6) dan tiada bahagian untuk saudara-saudara lelaki seibu seberapa sebagai ‘aṣabah kerana tidak ada lebihan baki.⁶⁶ Agihan penyelesaian adalah seperti Jadual 1 berikut:

⁶⁵ Al-Baqariyy, ‘Umar, *Ḥashiyyah sabṭ al-Mārdīnī ‘ala al-Rahabiyyah*, 94-96. *Al-‘Umariyyah* dinisbahkan kepada saidina ‘Umar yang berhadapan dengan masalah ini apabila berlaku tuntutan daripada saudara seibu seberapa. Manakala *al-Hajariyyah*, *al-Yamiyyah* dan *al-Ḥimariyyah* adalah antara andaian-andaian yang digunakan oleh saudara-saudara seibu seberapa semasa mengemukakan hujah mereka. Semua andaian tersebut digunakan bertujuan supaya melupakan sebentar kedudukan bapa dengan menyamakan seperti keldai atau seketul batu yang dicampakkan ke dalam laut. Ia juga digunakan bagi mensabitkan hubungan yang sama di sebelah ibu.

⁶⁶ Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh ibn Muḥammad, *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Ḥadīth wa al-Āthār*, vi. 247; Ibn Rushd, Muḥammad ibn Aḥmad, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*, vi. 391.

Jadual 1: Penyelesaian ‘Alī, Ubay ibn Ka‘ab Ibn ‘Abbās dan Abū Mūsa r.a dalam kes *al-musharrakah*

Waris-waris	Penyelesaian Farā'iḍ	
	Kadar fardu	Saham
Ibu	1/6	1/6
Suami	1/2	3/6
2 saudara lelaki seibu	1/3	2/6 (1/6 seorang)
Seorang saudara lelaki seibu seberapa	‘Aṣabah	Tiada baki yang diperolehi
Jumlah (Asal masalah)		6/6

ii. Penyelesaian ‘Umar, Zayd ibn Thabit dan ‘Uthmān r.a:

‘Umar, Zayd ibn Thābit dan Uthman berpendapat saudara-saudara seibu akan berkongsi dengan saudara-saudara seibu seberapa. Ini kerana, saudara-saudara seibu seberapa juga mempunyai ikatan yang kuat dengan ibunya. Justeru, mereka akan mendapat bahagian yang sama dengan tidak membezakan bahagian lelaki atau perempuan.⁶⁷ Pendapat sahabat ini diikuti oleh Imam Mālik, al-Shāfi‘iy dan al-Thawriyy⁶⁸.

Oleh itu, apabila si mati meninggalkan suami, ibu, dua orang saudara lelaki seibu dan seorang saudara lelaki seibu seberapa, maka bahagian yang diperolehi ialah suami mendapat 1/2 (menyamai 3/6), ibu mendapat 1/6 (menyamai 1/6) dan kesemua saudara tersebut berkongsi 1/3 (menyamai 2/6). Seterusnya, asal masalah didarabkan dengan tiga iaitu mengikut bilangan individu yang berkongsi tersebut. Bahagian terakhir yang diperolehi semua waris ialah suami mendapat 9/18, ibu mendapat 3/18, dua orang saudara lelaki seibu mendapat 4/18 (2/18 seorang) dan saudara lelaki seibu seberapa 2/18 seperti Jadual 2 berikut:

⁶⁷ Al-Dārimiy, ‘Abdullah ibn ‘Abd al-Rahmān, *Sunan al-Dārimiy*, ii. 805; Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh ibn Muḥammad, *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Aḥādīth wa al-Āthār*, vi. 247; Muḥammad Rawwās Qal‘ah Ji, *Mawsū‘ah Fiqh ‘Uthmān ibn ‘Affān* (Beirūt: Dar al-Nafā’is, 2 vols., 1991), 38.

⁶⁸ Ibn Rushd, Muḥammad ibn Aḥmad, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, 391.

Jadual 2: Penyelesaian ‘Umar, Zayd ibn Thabit dan ‘Uthmān r.a dalam kes *al-musharrakah*

Waris	Penyelesaian <i>Farā’id</i>				
	Kadar <i>fardū</i>	Saham	<i>Taṣḥīḥ</i>		
Ibu	1/6	1/6	1 x 3 = 3	3/18	
Suami	½	3/6	3 x 3 = 9	9/18	
2 saudara lelaki seibu	1/3		4	4/18	
Seorang saudara lelaki seibu seberapa	‘Aṣabah	2/6	2 x 3 = 6	2	2/18
Jumlah (Asal masalah)		6/6	6 x 3 = 18	18/18	

Masalah pengecualian ini hanya melibatkan waris-waris yang disebut sebelum ini dan berlaku dengan beberapa syarat iaitu:⁶⁹

- 1) Saudara-saudara seibu sama ada lelaki atau perempuan hendaklah dua orang atau lebih.
- 2) Perkongsian di antara saudara seibu dan saudara seibu seberapa. Sekiranya tempat saudara seibu seberapa digantikan dengan saudara seberapa maka masalah ini tidak akan wujud.
- 3) Saudara seibu seberapa hendaklah seorang lelaki. Jika hanya terdapat saudara perempuan sahaja maka bahagiannya akan diperolehi secara *fardū*.

Perselisihan antara dua pandangan dalam menyelesaikan kes ini ialah bagi menentukan bahagian dua orang saudara lelaki seibu dan seorang saudara lelaki seibu dan seberapa. Pendapat pertama memberi bahagian sepenuhnya kepada saudara lelaki seibu dengan mendapat 1/6 seorang. Walau bagaimanapun, sekiranya ijтиhad mengikut pendapat kedua maka bahagian mereka akan berkurangan kepada 1/9 seorang kerana berkongsi dengan waris saudara lelaki seibu seberapa. Manakala bahagian waris lain dalam kes ini pada akhirnya selepas penyelarasaran pusaka (*taṣḥīḥ*) iaitu ibu dan suami si mati masih tidak terjejas. Dalam hal ini, ibu tetap mendapat 1/6 dan bahagian suami ialah 1/2.

Punca perselisihan dalam agihan perkongsian atau tidak adalah pertimbangan yang dibuat terhadap kedudukan saudara lelaki seibu seberapa. Menurut Muḥammad Abū Zahrah, pendapat yang tidak menerima perkongsian

⁶⁹ Al-Šābūniyy, Muḥammad ‘Alī, *al-Mawārith fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*, 91.

meletakkan sandaran agihan berasaskan prinsip pusaka yang mementingkan susunan keutamaan. Waris-waris dalam kategori *aṣḥāb al-furūd* perlu diutamakan berbanding waris *aṣabah*. Namun, pendapat yang membuat perkongsian bahagian pula membuat penilaian secara *al-istihsān* dengan mempertimbangkan kedudukan saudara lelaki seibu sebaik juga bersambung di pihak ibu.⁷⁰

KES *AL-KHARQĀ'*

Kes ini melibatkan persaingan antara datuk dan saudara-saudara dalam menerima pusaka. Ia diberi gelaran *al-kharqā'*⁷¹ kerana terdapat banyak pendapat ulama terutama para sahabat yang cuba menyelesaikannya sehingga memeningkan dan menjadi sukar dan diandaikan seperti kain yang berlubang. Kes ini berlaku apabila seorang perempuan mati dan meninggalkan waris iaitu datuk, ibu dan saudara perempuan seibu sebaik atau sebaik. Terdapat juga beberapa gelaran lain yang merujuk kepada kes ini seperti *al-musaddasah*, *al-‘Uthmāniyyah*, *muthallathah ‘Uthmān, murabba‘ah Ibn Mas‘ūd, Mukhammasah al-Sha‘biyy* dan *musaddasah al-Ṣiddīq*.⁷²

Antara sahabat yang menyelesaikan masalah ini ialah Abū Bakar, Zayd, ‘Alī, ‘Umar, Ibn Mas‘ūd dan ‘Uthmān. Dalam hal ini, Al-Sha‘biyy meriwayatkan pada waris ibu, saudara perempuan seibu sebaik dan datuk dengan katanya:

*Sesungguhnya Zayd membahagikannya kepada sembilan iaitu ibu mendapat tiga bahagian, datuk mendapat empat bahagian dan saudara perempuan dua bahagian. Menurut ‘Alī saudara perempuan mendapat 1/2 iaitu tiga bahagian, ibu mendapat 1/3 iaitu dua bahagian dan selebihnya adalah bahagian datuk iaitu satu bahagian sahaja. Ibn Mas‘ūd berkata: saudara perempuan mendapat 1/2 iaitu tiga bahagian, ibu mendapat 1/6 iaitu satu bahagian dan datuk mendapat bakinya iaitu dua bahagian. ‘Uthmān pula berkata: agihan dibahagikan kepada tiga iaitu setiap waris mendapat 1/3. Ibn ‘Abbās pula menyatakan ibu mendapat 1/3 dan selebihnya adalah untuk datuk.*⁷³

⁷⁰ Muhammad Abū Zahrah, Muhammad ibn Aḥmad, *Aḥkām al-Tarikāt wa al-Mawārit* (Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, 1963), 119.

⁷¹ Ibrāhīm Anīs et al., *al-Mu‘jam al-Wasīṭ*, 229. Dari sudut bahasa ia bermaksud lubang dan koyakan.

⁷² Al-Sibā‘iyy, Muṣṭafa, *Sharḥ Qānūn al-Ahwāl al-Shakhṣiyah* (Beirūt: al-Maktab al-Islāmī, 1997), 181.

⁷³ Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh ibn Muḥammad, *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Aḥādīth wa al-Āthār*, vi. 263.

Berdasarkan riwayat ini dapatlah dijelaskan bahawa ijтиhad para sahabat dalam penyelesaian kes ini adalah seperti berikut⁷⁴:

i. Penyelesaian Zayd ibn Thabit:

Menurut ijтиhad Zayd, penyelesaian bagi kes ini ialah ibu mendapat 1/3 dan selebihnya akan di kongsi oleh datuk dan saudara perempuan berdasarkan nisbah 2:1 iaitu secara ‘اَشَابَحُ بِالْغَيْرِ’. Jumlah nisbah tersebut akan didarabkan dengan asal masalah. Oleh itu bahagian semua waris ialah bahagian ibu menyamai 3/9, bahagian datuk menyamai 4/9 dan bahagian saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa menyamai 2/9⁷⁵ seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3 : Penyelesaian Zayd dalam kes *al-kharqā’*

Waris	Penyelesaian <i>Farā'iḍ</i>			
	Kadar <i>fardū</i>	Saham	<i>Taṣḥīḥ</i>	
Ibu	1/3	1/3	1 x 3 = 3	3/9
Datuk			4	4/9
Seorang saudara perempuan seibu sebapa / sebapa	‘Aṣabah	2/3	2 x 3 = 6 2	2/9
Jumlah (Asal masalah)		3/3	3 x 3 = 9	9/9

ii. Penyelesaian Abū Bakar r.a dan Ibn ‘Abbās r.a:⁷⁶

Penyelesaian yang dibuat mengikut ijтиhad sahabat ini ialah ibu mendapat 1/3 dan selebihnya adalah bahagian datuk iaitu 2/3. Saudara perempuan tidak memperolehi bahagian dalam pusaka kerana terhalang dengan kewujudan datuk. Abū Bakar r.a berpendirian datuk mempunyai kedudukan yang sama

⁷⁴ Ibn Qudāmah, Abu Muḥammad ‘Abdullāh ibn Aḥmad, *Al-Mughni*. (Beirūt: Dār al-Kitāb al-Arabiyy, n.d), vii. 78-79; Jumu‘ah Muḥammad Muḥammad Barrāj, *Aḥkām al-Mīrāth fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah* (‘Ammān: Dār al-Fikr, n. d), 630-631.

⁷⁵ Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh ibn Muḥammad. *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Aḥādīth wa al-Āthār*, vi. 263; Yāsīn Aḥmad Ibrāhīm Darādikah, *al-Mīrāth fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah* (Beirūt: Mu’assasat al-Risālah, 1986), 348.

⁷⁶ Yāsīn Aḥmad Ibrāhīm Darādikah, *al-Mīrāth fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*, 348.

seperti bapa dan akan mendinding semua saudara si mati dalam semua situasi.⁷⁷ Perincian agihan adalah seperti Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Penyelesaian Abu Bakar r.a dan Ibn ‘Abbas r.a dalam kes *al-Kharqā'*

Waris-waris	Penyelesaian <i>Farā'iḍ</i>	
	Kadar <i>fardū</i>	Saham
Ibu	1/3	1/3
Datuk	‘Aṣabah	2/3
Saudara perempuan seibu sebapa / sebapa	<i>Mahjūb</i> (terdinding daripada pewarisan)	
Jumlah (Asal masalah)		3/3

iii. Penyelesaian ‘Alī ibn Abī Ṭālib r.a:

Ijtihad ‘Alī dalam penyelesaian kes ini ialah ibu mendapat 1/3 (menyamai 2/6), datuk mendapat 1/6 dan saudara perempuan mendapat 1/2 (menyamai 3/6) seperti Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Penyelesaian ‘Alī ibn Abī Ṭālib r.a dalam kes *al-kharqā'*

Waris-waris	Penyelesaian <i>Farā'iḍ</i>	
	Kadar <i>fardū</i>	Saham
Ibu	1/3	2/6
Datuk	1/6	1/6
Saudara perempuan seibu sebapa / sebapa	1/2	3/6
Jumlah (Asal masalah)		6/6

⁷⁷ Muhammad Rawwās Qal‘ah Ji, *Mawsū‘ah Fiqh Abī Bakar al-Šiddīq* (Beirūt: Dār al-Nafā’is, 2 vols., 1994), 35.

iv. Penyelesaian ‘Umar bin al-Khaṭṭāb dan satu riwayat Ibn Mas‘ūd:

Agihan yang dibuat ialah saudara perempuan mendapat 1/2 (menyamai 3/6) dan ibu mendapat 1/6 iaitu 1/3 baki selepas bahagian saudara perempuan dan datuk mendapat lebihan secara ‘asabah iaitu 2/6⁷⁸ seperti dalam Jadual 6 berikut:

Jadual 6: Penyelesaian ‘Umar bin al-Khaṭṭāb dan satu riwayat
Ibn Mas‘ūd dalam kes *al-kharqā’*

Waris-waris	Penyelesaian <i>Farā'iḍ</i>	
	Kadar <i>fardū</i>	Saham
Ibu	1/3 baki	1/6
Datuk	‘Asabah	2/6
Saudara perempuan seibu sebapa / sebapa	1/2	3/6
Jumlah (Asal masalah)		6/6

v. Penyelesaian kedua Ibn Mas‘ūd r.a:

Pendapat kedua Ibn Mas‘ūd r.a dalam menyelesaikan kes ini ialah saudara perempuan akan mendapat 1/2 (menyamai 2/4) dan selebihnya dibahagikan antara ibu dan datuk⁷⁹ seperti dalam Jadual 7 berikut:

Jadual 7: Penyelesaian kedua Ibn Mas‘ūd r.a dalam kes *al-Kharqā’*

Waris-waris	Penyelesaian <i>Farā'iḍ</i>	
	Kadar <i>fardū</i>	Saham
Ibu	Baki secara sama rata	1/4
Datuk		1/4
Saudara perempuan seibu sebapa / sebapa	1/2	2/4
Jumlah (Asal masalah)		4/4

⁷⁸ Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh ibn Muḥammad, *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Aḥādīth wa al-Āthār*, vi. 266; Muḥammad Rawwās Qal‘ah Ji, *Mawsū‘ah Fiqh Abdullāh ibn Mas‘ūd* (Beirūt: Dār al-Nafā’is, Cet 2, 1992), 55.

⁷⁹ Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh ibn Muḥammad, *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Aḥādīth wa al-Āthār*, vi. 266.

vi. Penyelesaian ‘Uthmān bin ‘Affān r.a:

Pandangan yang dikemukakan oleh ‘Uthmān dalam kes ini adalah yang paling ringkas berbanding *qawl al-ṣahābiyy* yang lain. Beliau berpendapat pusaka si mati hanya dibahagikan sama rata kepada ketiga-tiga waris. Oleh itu, semua waris memperolehi 1/3 daripada harta pusaka (lihat Jadual 8). Ijtihad ini menafikan sama sekali kedudukan waris sebagai waris *ashāb al-furūd* yang mempunyai bahagian yang tertentu.

Jadual 8: Penyelesaian ‘Uthmān bin ‘Affān r.a dalam kes *al-Kharqā'*

Waris-waris	Penyelesaian <i>Farā'iḍ</i>	
	Kadar <i>fardū</i>	Saham
Ibu		1/3
Datuk	Dibahagi mengikut perkongsian sama rata	1/3
Saudara perempuan seibu seberapa / seberapa		1/3
Jumlah (Asal masalah)		3/3

KES *AL-AKDARIYYAH*

Kes ini melibatkan pengiraan semula antara bahagian datuk dan saudara perempuan. Kekeliruan dalam pengiraan semula yang lari daripada kaedah pembahagian asal merupakan salah satu faktor dinamakan kes ini dengan *al-akdariyyah*.⁸⁰ Gelaran tersebut merujuk kepada kes kematian seorang yang asal keturunan keluarganya disebut sebagai *akdar* iaitu salah satu nama kabilah Arab mengikut pendapat yang paling kuat.⁸¹

Situasi kes ini ialah apabila seorang perempuan mati dan meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk dan saudara perempuan seibu seberapa atau saudara perempuan seberapa. Terdapat tiga ijтиhad utama dalam menyelesaikan kes ini:⁸²

i. Penyelesaian Abū Bakar dan Ibn ‘Abbās r.a:

Ijtihad mereka telah digunakan dalam mazhab Hanafi dan Hanbali. Dalam kes ini, suami mendapat 1/2 (menyamai 3/6), ibu mendapat 1/3 (menyamai 2/6)

⁸⁰ Ibrāhīm Anīs et al., *al-Mu‘jam al-Wasīṭ*, 779. Terdapat beberapa riwayat yang menyebut punca kes ini digelar dengan *al-Akdariyyah*. Perkataan *al-Akdariyyah* dari sudut bahasa bermaksud keruh dan mengotorkan.

⁸¹ Al-Baqariyy, ‘Umar, *Hashiyyah Sabṭ al-Mārdīnī ‘ala al-Rahabiyyah*, 109.

⁸² Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abdullah ibn Aḥmad, *al-Mughni*. vii. 75-77.

dan selebihnya iaitu 1/6 adalah bahagian datuk. Saudara perempuan tidak akan mendapat apa-apa bahagian pewarisan kerana datuk mempunyai kedudukan yang sama seperti bapa yang boleh menghalang saudara-saudara si mati.⁸³ Agihan penyelesaian menurut sahabat ini adalah seperti Jadual 9 di bawah:

Jadual 9: Penyelesaian Abū Bakar dan Ibn ‘Abbās r.a dalam kes *al-Akdariyyah*

Waris	Penyelesaian <i>Farā’id</i>	
	Kadar <i>fardū</i>	Saham
Ibu	1/3	2/6
Suami	1/2	3/6
Datuk	‘ <i>Aṣabah</i>	1/6
Saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa	<i>Mahjūb</i> (terdinding daripada pewarisan)	
Jumlah (Asal masalah)		1/6

ii. Penyelesaian Zayd ibn Thabit r.a:

Mengikut pendapat asal Zayd, kedudukan saudara perempuan sekiranya terdapat bersamanya datuk ialah memperolehi harta pusaka secara *aṣabah*. Namun dalam kes ini sahaja yang menentukan terlebih dahulu bahagian saudara perempuan secara *fardū* apabila bersamanya datuk. Pada asalnya, bahagian setiap waris ialah suami mendapat 1/2 (menyamai 3/6), ibu mendapat 1/3 (menyamai 2/6) dan datuk mendapat 1/6 (menyamai 1/6). Oleh itu, tiada lebihan baki yang diperolehi oleh saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa. Ini adalah berdasarkan kaedah agihan Zayd dalam masalah yang melibatkan datuk dan saudara seibu sebapa atau sebapa. Disebabkan baki selepas bahagian waris lain ialah 1/6, maka kadar tersebut adalah pilihan yang terbaik bagi datuk. Ini kerana, pilihan yang lain tidak menguntungkannya iaitu sekiranya pengagihan dibuat secara berkongsi maka datuk hanya mendapat 2/3 daripada 1/6. Dan sekiranya bahagian datuk ialah secara 1/3 baki, maka nilai yang diterima adalah sangat sedikit iaitu 1/3 daripada 1/6.⁸⁴

⁸³ Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh ibn Muḥammad. *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Āḥādīth wa al-Āthār*, vi. 265.

⁸⁴ Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh ibn Muḥammad, *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Āḥādīth wa al-Āthār*, vi. 248.

Walau bagaimanapun, berlaku rombakan dan pengecualian daripada kaedah asal iaitu dengan menentukan kadar saudara perempuan secara *farḍu*. Masalah ini juga menyebabkan berlakunya ‘awl. Penyelesaiannya ialah suami mendapat 1/2 (menyamai 3/9), bahagian ibu 1/3 (menyamai 2/9), bahagian datuk 1/6 (menyamai 1/9) dan bahagian saudara perempuan seibu sebaa atau sebaa 1/2 (menyamai 3/9). Dalam hal ini, bahagian datuk adalah kurang daripada saudara perempuan tersebut, bahkan kurang daripada 1/6. Oleh itu, datuk akan mengubah bahagian saudara perempuan selepas menerima saham masing-masing. Bahagian yang diperolehi antara datuk dan saudara perempuan dikumpul semula dan kadar nisbah keduanya akan didarabkan dengan nilai asal untuk diagihkan secara *taṣīḥ* iaitu bahagian lelaki menyamai dua bahagian perempuan. Penerimaan terakhir bagi semua waris ialah bahagian suami (9/27), ibu (6/27), datuk (8/27) dan saudara perempuan (4/27)⁸⁵ seperti dalam Jadual 10 berikut:

Jadual 10: Penyelesaian Zayd dalam kes *al-Akdariyyah*

Waris	Penyelesaian <i>Farā'iḍ</i>			
	Kadar <i>farḍu</i>	Saham	<i>Taṣīḥ</i>	
Ibu	1/3	2/6	2 x 3 = 6	6/27
Suami	1/2	3/6	3 x 3 = 9	9/27
Datuk	1/6	1/6	4 x 3 = 8	8/27
Seorang saudara perempuan seibu sebaa	1/2	3/6	12	4/27
Jumlah (Asal masalah)		9/6 ('Awl)	9 x 3 = 27	27/27

iii. Penyelesaian ‘Umar dan Ibn Mas‘ūd r.a:

Penyelesaian yang dibuat oleh sahabat ini ialah ibu mendapat 1/6 (menyamai 1/8), suami mendapat 1/2 (menyamai 3/8), datuk mendapat 1/6 (menyamai 1/8) dan saudara perempuan mendapat 1/2 (menyamai 3/6).⁸⁶ Penentuan dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan tanpa sebarang perubahan bahagian yang

⁸⁵ Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh ibn Muḥammad, *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Āhādīth wa al-Āthār*, vi. 262; Zakariyā Ibn Ghulām al-Bākistāniyy, *Mā Ṣahha Min Āthār al-Šahābah* (Beirūt: Dār Ibn Ḥazm, 2000), iii. 1216.

⁸⁶ Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh ibn Muḥammad. *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Āhādīth wa al-Āthār*, vi. 265; Zakariyā ibn Ghulām al-Bākistāni, *Mā Ṣahha Min Āthār al-Šahābah* (Beirūt: Dār Ibn Ḥazm, n.d), iii. 1185.

diperolehi oleh datuk dan saudara perempuan. Agihan pusaka juga mengalami ‘awl seperti Jadual 11 yang berikut:

Jadual 11: Penyelesaian ‘Umar dan Ibn Mas‘ūd r.a dalam kes *al-Akdariyyah*

Waris	Penyelesaian <i>Farā'iḍ</i>		
	Kadar <i>fardū</i>	Saham	<i>Tashīḥ</i>
Ibu	1/6	1/6	1/8
Suami	1/2	3/6	3/8
Datuk	1/6	1/6	1/8
Saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa	1/2	3/6	3/8
Jumlah (Asal masalah)		8/6 ('Awl)	8/8

KES *AL-HAMZIYYAH*

Kes ini melibatkan si mati dan meninggalkan waris iaitu datuk, tiga orang nenek yang sama kedudukannya (ibu kepada ibu kepada ibu, ibu kepada ibu kepada bapa dan ibu kepada bapa kepada bapa) dan tiga saudara perempuan dari setiap kategori (seibu sebapa, sebapa dan seibu). Gelaran kes ini diberikan bersemepena dengan orang yang cuba menjawab persoalan yang cuba diajukan iaitu Hamzah al-Ziyat. Beliau dikemukakan dengan masalah ini lalu menjawabnya dengan penyelesaian yang dibuat oleh beberapa sahabat Rasulullah SAW.

Terdapat tiga pandangan utama daripada sahabat Rasulullah SAW yang menyelesaikan masalah ini seperti berikut:⁸⁷

i. Penyelesaian Zayd ibn Thabit r.a:

Penyelesaian mengikut pendapat Zayd adalah nenek-nenek akan mendapat 1/6 dan bakinya dikongsi antara datuk dan saudara-saudara perempuan. Namun, saudara perempuan seibu akan terdinding (*hajib*) disebabkan kewujudan datuk. Dalam hal ini, asal masalah iaitu enam akan didarabkan dengan tiga (bilangan nenek) dan kemudiannya didarabkan dengan empat (bilangan jumlah bahagian antara datuk dan dua orang saudara perempuan). Seterusnya, bahagian saudara perempuan sebapa akan dikembalikan kepada saudara perempuan seibu

⁸⁷ Jumu‘ah Muḥammad Muḥammad Barrāj, *Aḥkām al-Mīrāth fī al-sharī‘ah al-Islāmiyyah*, 636-637.

sebapa yang menyebabkan tiada baki untuknya kerana telah dihabiskan oleh saudara perempuan seibu sebapanya. Bahkan bahagian yang diperolehi oleh saudara perempuan seibu sebapa tidak mencukupi 1/2 mengikut kadar asal secara *farḍu*.

Oleh itu bahagian yang akan diperolehi oleh semua waris ialah tiga orang nenek (12/72 menyamai 4/72 seorang), datuk (30/72) dan saudara perempuan seibu sebapa (30/72). Kesemua kadar tersebut boleh dikecilkkan iaitu kesemua nenek mendapat 6/36 (2/36 seorang), datuk mendapat 15/36 dan saudara perempuan seibu sebapa (15/36)⁸⁸ seperti dalam Jadual 12 berikut:

Jadual 12 : Penyelesaian Zayd dalam kes *al-Ḥamziyyah*

Waris	Penyelesaian <i>Farā'iḍ</i>				
	Kadar <i>farḍu</i>	Saham	<i>Tashīḥ</i>		
3 orang nenek	1/6	1/6	1 x (4 x 3) = 12	12 ÷ 2 = 6	6/36
Datuk				30	30 ÷ 2 = 15
Saudara perempuan seibu sebapa	'Asabah	5/6	5 x (4 x 3) = 60	30	30 ÷ 2 = 15
Saudara perempuan sebapa					Dikembalikan kepada saudara perempuan seibu sebapa
Saudara perempuan seibu			Mahjūb (terdinding daripada pewarisan)		
Jumlah (Asal masalah)	6/6		6 x (4 x 3) = 72	72 ÷ 2 = 36	36/36

ii. Penyelesaian Abū Bakar r.a dan Ibn 'Abbās r.a:

Pendapat Abū Bakar r.a dan Ibn 'Abbās r.a ialah nenek mendapat 1/6 dan bakinya adalah bahagian datuk yang diambil secara '*asabah*. Tiada bahagian untuk saudara-saudara perempuan kerana terhalang dengan kewujudan datuk.⁸⁹ Perincian agihan adalah seperti Jadual 13 yang berikut:

⁸⁸ Yāsīn Aḥmad Ibrāhīm Darādikah, *al-Mīrāth fī al-sharī'ah al-Islāmiyyah*, 352.

⁸⁹ Yāsīn Aḥmad Ibrāhīm Darādikah, *al-Mīrāth fī al-sharī'ah al-Islāmiyyah*, 352.

Jadual 13: Penyelesaian Abū Bakar r.a dan Ibn ‘Abbās r.a dalam kes *al-Hamziyyah*

Waris	Penyelesaian <i>Farā'iḍ</i>		
	Kadar <i>farḍu</i>	Saham	<i>Taṣḥīḥ</i>
3 orang nenek	1/6	1/6	$1 \times 3 = 3$ $\frac{3}{18}$ (1/18 seorang)
Datuk	‘Aṣabah	5/6	$5 \times 3 = 15$ $\frac{15}{18}$
Saudara perempuan seibu sebapa			
Saudara perempuan sebapa		Mahjūb (terdinding daripada pewarisan)	
Saudara perempuan seibu			
Jumlah (Asal masalah)		6/6 $6 \times 3 = 18$	18/18

iii. Penyelesaian ‘Alī dan Ibn Mas‘ud r.a:

Pendapat ‘Alī r.a dan Ibn Mas‘ud r.a dalam kes ini iaitu bahagian nenek-nenek ialah 1/6, saudara perempuan seibu sabapa mendapat 1/2, saudara perempuan sebapa mendapat 1/6 bagi mencukupkan 2/3 dan bakinya adalah bahagian datuk seperti perincian Jadual 14 yang berikut:

Jadual 14: Penyelesaian ‘Alī dan Ibn Mas‘ud r.a dalam kes *al-Hamziyyah*

Waris	Penyelesaian <i>Farā'iḍ</i>		
	Kadar <i>farḍu</i>	Saham	<i>Taṣḥīḥ</i>
3 orang nenek	1/6	1/6	$1 \times 3 = 3$ $\frac{3}{18}$ (1/18 seorang)
Datuk	1/6	1/6	$1 \times 3 = 3$ $\frac{3}{18}$
Saudara perempuan seibu sebapa	1/2	3/6	$3 \times 3 = 9$ $\frac{9}{18}$
Saudara perempuan sebapa	1/6	1/6	$1 \times 3 = 3$ $\frac{3}{18}$
Saudara perempuan seibu		Mahjūb (terdinding daripada pewarisan)	
Jumlah (Asal masalah)		6/6 $6 \times 3 = 18$	18/18

Ijtihad semua sahabat dalam kes ini turut melibatkan persaingan bahagian datuk dengan bahagian pusaka untuk saudara perempuan seibu sebaa dan sebaa. Kesemuanya mengemukakan pendapat yang terbaik bagi agihan kepada waris terdekat. Persamaan antara ketiga-tiga *qawl al-ṣahābiyy* ini ialah saudara perempuan seibu tidak memperolehi apa-apa bahagian daripada harta pusaka. Selain itu, bahagian tiga orang nenek adalah sama iaitu 3/18 daripada harta pusaka.

KESIMPULAN

Sahabat Rasulullah SAW merupakan golongan yang mempunyai kedudukan terpuji menurut nas al-Qur'an dan ḥadīth Rasulullah SAW. Mereka juga golongan yang telah banyak berkorban untuk agama mengikut keupayaan dan sumbangan masing-masing. Walaupun kelebihan mereka sebagai generasi awal yang melihat wahyu terakhir diturunkan dan sentiasa patuh dengan tuntutan syariat, namun kedudukan tersebut tidak membawa mereka setaraf dengan Rasulullah SAW. Mereka adalah seperti umat Islam yang lain dan pandangan mereka adalah sama seperti mujtahid-mujtahid lain yang mempunyai kelayakan berijtihad.

Para sahabat r.a juga tidak terlepas daripada berselisih pandangan antara satu dengan yang lain. Ini kerana kefahaman minda yang berbeza dalam memahami sesuatu nas menjadi faktor kewujudan perselisihan tersebut. Di samping itu, faktor nas itu sendiri yang sebahagian kandungannya boleh ditafsirkan apabila bersifat *zanniyy al-dalālah* mendorong berlakunya perbezaan pendapat. Kesannya, setiap cetusan pandangan mereka sama ada yang disepakati ramai atau bersifat individu diguna pakai dalam memahami sesuatu nas.

Walaupun, *qawl al-ṣahābiyy* hanya dianggap sebagai sumber sekunder yang cuba membuat tafsiran hukum tertentu bagi sesuatu masalah, namun status dan kedudukannya kepada persoalan fiqh perlu diambil kira. Oleh yang demikian, penulis berpendapat *qawl al-ṣahābiyy* boleh dijadikan sumber dan dalil sokongan dalam menyelesaikan sesuatu hukum atau panduan kepada masalah-masalah dalam masyarakat Islam. Pertimbangan yang sewajarnya perlu dibuat dalam menerima pendapat mereka dengan melihat keistimewaan yang diberikan terutama kepada individu tertentu yang terkenal dalam mengeluarkan fatwa atau hukum daripada sahabat r.a.

Ijtihad sahabat dalam penyelesaian kes-kes *farā'iḍ* yang tertentu kebanyakannya melibatkan masalah-masalah cara agihan yang tidak jelas hukum agihannya di dalam nas bersifat pasti (*qaṭi'yy*). Fokus perselisihan ijithad tertumpu kepada bahagian pusaka untuk datuk dan saudara-saudara si

mati berbanding waris *aṣḥāb al-furūd* yang lain. Persaingan antara bahagian datuk dan saudara-saudara lelaki atau perempuan si mati sama ada sebu sebaa atau sebaa dapat dilihat berdasarkan penyelesaian beliau dalam kes *al-Kharqā'*, *al-Akdariyyah* dan *al-Hamziyyah*. Persamaan di antara kes-kes tersebut ialah pengiraan yang melibatkan bahagian datuk dan bahagian saudara-saudara si mati sama ada bersama mereka waris *aṣḥāb al-furūd* atau tidak. Pengiraan dibuat dengan lebih teliti agar bahagian waris-waris terdekat si mati tidak dihapuskan sama sekali. Perselisihan pandangan sahabat dalam kes-kes ini menggambarkan rumitnya agihan dibuat dalam persaingan kedudukan antara datuk dan saudara-saudara si mati sehingga digambarkan oleh sebahagian sahabat sebagai *jarāthim jahannam* (wabak-wabak neraka) bagi menunjukkan kesukaran dalam penyelesaiannya. Dalam kes *al-musharrakah* pula, perbezaan ijtihad tertumpu kepada kedudukan saudara lelaki sebu sebaa yang memerlukan penentuan bahagiannya berkongsi atau tidak dengan saudara lelaki si mati.

Perbincangan mengenai *qawl al-ṣaḥābiyy* bertujuan mengetahui kedudukan sebenar *qawl al-ṣaḥābiyy* sebagai sumber hukum dengan mengambil kira pendirian ulama terhadap sumber ini. Selain itu, ia juga menjadi sandaran dalam membuat penelitian berkaitan pendapat dan pandangan yang dikemukakan oleh setiap para sahabat Rasulullah SAW. Walaupun semua para sahabat Rasulullah SAW dihukumkan sebagai cudūl secara keseluruhannya, namun tidak semua daripada kalangan mereka yang menonjol dalam bidang fiqh dan fatwa.

RUJUKAN

- Abū al-Ḥasan al-Baṣrī al-Mu‘taziliyy, Muḥammad ibn ‘Alī, *al-Mu‘tamad fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirût: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, n.d).
- Al-‘Alā‘iyy, Khalīl ibn Kaykaldī, *Ijmāl al-Isābah fī Aqwāl al-Ṣaḥābah* (Kuwait: Jam‘iyyah Ihyā’ al-Turāth al-Islāmiyy, 1987).
- Al-Āmidiyy, ‘Ali ibn Muḥammad, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (Beirût: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, n.d).
- Al-Amīniyy, Nūr ‘Ālam Khalīl, *al-Ṣaḥābah wa Makānatuhum fī al-Islām* (al-Qāhirah: Dār al-Šāhwah, 1989).
- Al-Baqariyy, ‘Umar, *Hāshiyat sabṭ al-Mārdīnī ‘ala al-Raḥabiyyah* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1994).
- Al-Bayḍāwiyy, ‘Abdullah ibn ‘Umar, *Minhāj al-Wuṣūl ila ‘Ilm al-Uṣūl* (Damshiq: Dār Dāniyyah, 1989).

- Al-Bukhāriyy, ‘Abd al-‘Azīz ibn Aḥmad, *Kashf al-Asrār ‘an Uṣūl al-Bazdawiyah* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997).
- Al-Dārimiyy, ‘Abdullah ibn ‘Abd al-Raḥman, *Sunan al-Dārimiyy* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1996).
- Al-Fayrūz Abādiyy, Muḥammad ibn Ya‘qūb, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* (Beirūt: Mu’assasat al-Risālah, 1994).
- Al-Ghazāliyy, Muḥammad ibn Muḥammad, *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Uṣūl* (Beirūt: Mu’assasat al-Risālah, 1997).
- Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh ibn Muḥammad, *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Āḥādīth wa al-Āthār* (Beirūt: Dār Tāj, 1989).
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalāniyy, Aḥmad ibn ‘Alī, *Nuzhat al-Naẓar fī Tawdīh Nukhbāt al-Fikr fī Muṣṭalaḥ Ahl al-Āthār* (‘Ammān: Dār ‘Ammār, 1999).
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad ibn Abī Bakar, *I'lām al-Muwaqqi‘īn* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996).
- Ibn Qudāmah, ‘Abd al-Raḥman ibn Aḥmad, *Rawdat al-Nāzir wa Jannat al-Manāzir* (Makkah: al-Maktabah al-Makkiyyah, 1998).
- Ibn Qudāmah, Abu Muḥammad ‘Abdullah ibn Aḥmad, *Al-Mughni* (Beirūt: Dār al-Kitāb al-Arabiyy. n.d.).
- Ibn Rushd, Muḥammad ibn Aḥmad, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996).
- Ibn Sa‘ad, Muḥammad ibn Sa‘ad ibn Manī‘ al-Basriyy, *al-Tabaqāt al-Kubrā* (Beirūt: Dār Sādir, 1985).
- Ibn al-Ṣallāḥ, ‘Uthmān ibn ‘Abd al-Raḥmān, *Ulūm al-Hadīth* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1986).
- Ibrāhim Anīs, ‘Abd al-Ḥalīm Muntaṣir, ‘Aṭīyyah al-Šawāliḥī & Muḥammad Khalf Allāh Aḥmad, *al-Mu'jam al-Wasīṭ* (al-Qāhirah: Maṭba‘ah Miṣr, 1972).
- Idrīs Jum‘ah Darār Bashīr, *al-Ra'yū wa Atharuhu fī al-Fiqh al-Islāmiyy* (al-Qāhirah: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, n.d.) .
- Jumu‘ah Muḥammad Muḥammad Barrāj, *Aḥkām al-Mīrāth fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (‘Amman: Dār al-Fikr, n.d.).
- Khalīfah Bābkar al-Ḥasan, *al-Adillah al-Mukhtalaf fīhā ‘ind al-Uṣūliyyīn* (t.t.p.: Maktabah Wahbah, 1987).
- Al-Mardāwī, ‘Alī ibn Sulaymān, *al-Taḥbīr Sharḥ al-Taḥrīr fī Uṣūl al-Fiqh* (al-Riyyād: Maktabah al-Rushd, 2000).

- Muhammad Abū Zahrah, Muhammad ibn Alīmad, *Aḥkām al-Tarikāt wa al-Mawārīth* (Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, 1963).
- Muhammad Fatḥī al-Darīniyy, *al-Manāhij al-Uṣūliyyah* (Beirūt: Mu’assasat al-Risālah, 1997).
- Muhammad Rawwās Qal‘ah Ji, *Mawsū‘ah Fiqh ‘Uthmān ibn ‘Affān* (Beirūt: Dar al-Nafā’is, 1991).
- Muhammad Rawwās Qal‘ah Ji, *Mawsū‘ah Fiqh Abdullāh ibn Mas‘ūd* (Beirūt: Dar al-Nafā’is, 1992).
- Muhammad Rawwās Qal‘ah Ji, *Mawsū‘ah Fiqh Abī Bakar al-Siddīq* (Beirūt: Dar al-Nafā’is, 1994).
- Muhammad Sa‘īd Shāhātih Manṣūr, *al-Adillah al-‘Aqlīyyah wa ‘Alāqatuhā bi al-Naqlīyyah ‘ind al-Uṣūliyyīn* (al-Khurṭūm: al-Dār al-Sudāniyyah, 1999).
- Muhammad Sallām Madkūr, *al-Madkhāl li al-Fiqh al-Islāmiyy* (Kuwait: Dār al-Kitāb al-Ḥadīth, n.d.).
- Muṣṭafa Dīb al-Bughā, *Athār al-Adillah al-Mukhtalaf fī al-Fiqh al-Islāmiyy* (Beirūt: Dār al-Qalam, 1999).
- Nādiyyah Sharīf al-‘Umriyy, *al-Ijtihād fī al-Islām* (Beirūt: Mu’assasat al-Risālah, 1985).
- Niẓām al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, *Mafhūm al-fiqh al-Islāmiyy* (Beirūt: Mu’assasat al-Risālah, 1984).
- Al-Qarādāwi, Yūsuf, *al-Fiqh al-Islāmiyy Bayn al-Asālah Wa al-Tajdīd* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1999).
- Qutb Muṣṭafa Sānū, *Mu‘jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-fiqh* (Beirūt: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣar, 2000).
- Al-Ṣābūniyy, Muhammad ‘Alī, *al-Mawārīth fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1993).
- Al-Sakhāwiyy, Muhammad ibn ‘Abd al-Rahmān, *Fath al-Mughīth Sharḥ Alfiyyah al-Hadīth* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993).
- Al-Sayyīd Muhammad Nūḥ, *al-Ṣahābah wa Juhūduhum fī Khidmat al-Hadīth* (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 1993).
- Sha‘bān, Muhammad Ismā‘īl, *Qawl al-Ṣahābiyy fī al-Fiqh al-Islāmiyy* (t.t.p.: Dār al-Salām, 1988).
- Sha‘bān, Muhammad Ismā‘īl, *Dirāsāt Ḥawl al-Ijmā‘ wa al-Qiyās* (Qāhirah: Maktabah al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, 1993).

- Sha'bān, Muḥammad Ismā'īl, *al-Ijtihād al-Jamā'iyy* (Beirūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1998).
- Al-Shawkāniyy, Muḥammad ibn 'Alī, *Irshād al-Fuhūl ila Tahqīq al-Haq min 'Ilm al-Uṣūl* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994).
- Al-Shaykh Muḥammad al-Shammā', *al-Mufid min al-Abḥāth fī Aḥkām al-Zawāj wa al-Talāq wa al-Mīrāth* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1995).
- Al-Shīrāziyy, Ibrāhīm ibn 'Alī, *al-Luma' fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirūt: Dār Ibn Kathīr, 1995).
- Al-Sibā'iyy, Muṣṭafa, *Sharḥ Qānūn al-Ahwāl al-Shakhṣiyah* (Beirūt: al-Maktab al-Islāmī, 1997).
- Yāsīn Aḥmad Ibrāhīm Darādikah, *al-Mīrāth fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Beirūt: Mu'assasat al-Risālah, 1986).
- Zakariyā ibn Ghulām al-Bākistāniyy, *Mā Ṣahha Min Āthār al-Šahābah* (Beirūt: Dār Ibn Ḥazm, 2000).
- Al-Zarkashiyy, Muḥammad ibn Bhādir, *Tashnīf al-Masāmi' bi Jam' al-Jawāmi'* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000).
- Al-Zuḥayliyy, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmiyy* (Beirūt: Dār al-Fikr al-Mu'āṣar, 1986).

